

Jakoa buat persiapan awal

Hantar bekalan makanan, logistik ke dua kampung berisiko terputus hubungan

KUALA NERUS - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) bersedia sepenuhnya untuk menghadapi kemungkinannya untuk menghadapi kemungkinan banjir, terutama melibatkan dua perkampungan yang sering terputus hubungan setiap kali tiba musim tengkujuh.

Pengarah Jakoa Terengganu/Kelantan, Nik Man Nik Ya berkata, terdapat 70 keluarga akan terputus hubungan setiap kali banjir, memabitkan dua kawasan perkampungan Orang Asli di Kelantan iaitu di Lebir dan Aring 5.

Menurutnya, kedudukan kawasan itu begitu hampir dengan sungai, bahkan jambatan yang menjadi laluan utama mereka turut dinaiki air hingga mengakibatkan mereka terputus hubungan dengan pihak luar.

"Sebagai persediaan awal, kita akan memastikan bekalan makanan yang mencukupi dihantar ke kawasan terlibat, selain perkhidmatan logistik jika berlaku perkara tidak diingini.

"Malah, penduduk di perkampungan Orang Asli turut



Nik Man (tiga, kanan) mengiringi Nik Wan (empat, kanan) menyempurnakan gimik perasmian Program Komuniti Orang Asli di UniSZA.

mengambil inisiatif sendiri dengan menanam ubi kayu, pisang dan sebagainya sebagai bekalan makanan tambahan jika berlaku banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Penutup Program Komuniti Orang

Asli Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2016 'Ilmu dan Akhlak Insan Melalui Apresiasi Orang Asli di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Upacara perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA,

Prof Dr Nik Wan Omar.

Tambah Nik Man, pihaknya sentiasa memantau perkembangan semasa di semua perkampungan Orang Asli, terutama melibatkan kawasan berisiko banjir bagi memastikan keperluan dan bantuan segera dapat dihulurkan.